

Malaysia, Australia jadi contoh toleransi masyarakat majmuk

Daripada ROZAMAN ISMAIL

PERTH 22 Feb. - Malaysia hari ini mengajak Australia sama-sama bersuara bagi memadamkan prasangka dan memperbetulkan salah tanggapan yang timbul sejak sekian lama di antara dunia Barat dan Islam.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kedua-dua negara boleh memainkan peranan itu dengan menjadikan contoh bagaimana komposisi masyarakat majmuk di Australia dan Malaysia boleh hidup dalam harmoni.

"Australia dan Malaysia boleh menjadi contoh kepada dunia Barat bagaimana kita berupaya mengendalikan masyarakat yang mempunyai kepelbagaian kaum dan agama dengan baik.

"Saya yakin negara yang mempunyai rekod yang baik dalam mewujudkan keharmonian kaum dan toleransi agama di peringkat domestik berupaya menjadi perintis kepada perubahan yang sama di peringkat antarabangsa.

"Justeru saya ingin mengajak para pemimpin, rakyat serta media Australia sama-sama memperkukuhkan suara mereka bagi menyokong misi besar yang sungguh murni ini," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menyampaikan ucap ternaik bertajuk 'Kepelbagaian Etnik dan Agama Sebagai Satu Sumber Kekuatan Dalam Pembinaan Negara' di Curtin University of Technology di sini hari ini.

Ucap ternaik itu disampaikan sejeurus selepas Abdullah dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Teknologi oleh universiti itu.

Menurut Abdullah, Australia boleh bersuara dan menyatakan pandangan mereka di pentas antarabangsa untuk mewujudkan perubahan dalam hubungan Barat dan dunia Islam yang kelihatan dingin pada masa ini.

Kata beliau, dengan cara itu negara berkenaan juga berupaya menamatkan permusuhan dan perselisihan yang berlaku pada masa lalu dan masa kini.

"Kita tidak boleh membiarkan cakap-cakap yang tidak bertanggungjawab berhubung kemungkinan berlakunya pertembungan tamadun dijadikan ramalan bagi memuaskan hati masing-masing.

"Cabaran sebenar yang kita hadapi sekarang ialah bagaimana membawa suara-suara sederhana dari dunia Barat dan Islam duduk bersama dalam satu dialog bermakna yang berupaya memberi faedah kepada semua," katanya.

Bagaimanapun Abdullah berkata, suara-suara tertentu yang membela kesederhanaan di dunia Barat dan Islam tidak diberikan perhatian yang sepatutnya oleh media antarabangsa.



ABDULLAH Ahmad Badawi menerima Anugerah Doktor Kehormat Teknologi daripada Dr. Eric Tan di Dewan Syarahan Elizabeth Jolly, Curtin University of Technology, Perth, Australia semalam.

"Terdapat begitu ramai orang di Barat dan dunia Islam yang sentiasa berdoa untuk kesejahteraan, membina hubungan, menjadi komunikator dan fasilitator dan benar-benar berharap dapat merapatkan diri ke dunia sebelah sana untuk belajar, bekerja dan hidup bersama.

"Jadi saya mahu menjemput para pemimpin Australia, rakyat dan media-nya sama-sama menjayakan misi besar ini," katanya.

Menurut Abdullah lagi, budaya toleransi di antara peradaban perlu dipertingkatkan menerusi lebih banyak usaha seperti pendidikan mengenai perbandingan agama dan budaya di institusi pengajian tinggi masing-masing.

"Australia sendiri boleh menjadi perintis kepada pembinaan hubungan di antara rakyat dan budaya," kata Abdullah.

Perdana Menteri yang turut menyentuh mengenai konsep Islam Hadhari berkata, Malaysia merasa selesa dengan perubahan serta pembaharuan menerusi

Australia boleh bersuara dan menyatakan pandangan mereka di pentas antarabangsa untuk mewujudkan perubahan dalam hubungan Barat dan dunia Islam yang kelihatan dingin pada masa ini

ABDULLAH AHMAD BADAWI

konsep tersebut kerana pendekatannya sesuai, mudah diterima dan diamalkan dalam sebuah negara pelbagai kaum dan agama.

Sambil menegaskan bahawa Islam Hadhari bukanlah satu agama baru, Perdana Menteri berkata, ia adalah satu cara menghargai dan mengamalkan agama dalam era moden ini dan pada masa yang sama teguh mempertahankan nilai-nilai mulia yang ditetapkan oleh Islam.

Sementara itu Canselor Curtin University of Technology Dr. Eric Tan yang menyampaikan Ijazah Doktor Kehormat, anugerah tertinggi universiti berkenaan kepada Abdullah berkata, anugerah itu

diberikan kerana kesungguhan Abdullah mempromosi pendidikan tinggi di Malaysia sehingga meletakkan negara itu antara yang terbaik di rantau ini.

Sementara itu Howard dalam satu perutusan khas yang dibacakan oleh Bishop, mengucapkan tahniah kepada Abdullah atas anugerah yang disifatkannya sebagai suatu yang bermakna kerana memperkukuhkan hubungan dua hala kedua-dua negara.

Howard berkata, beliau akan terus bekerjasama rapat dengan Abdullah untuk membina persefahaman yang lebih baik di antara kedua-dua negara.

- Utusan